

17/04/2002

Harakah didakwa cuba keruh hubungan pemimpin BN

KUALA LUMPUR, Selasa - Lidah rasmi Pas, Harakah sekali lagi cuba mengeruhkan hubungan di antara pemimpin Barisan Nasional (BN) khususnya Umno dengan mengadakan pungutan suara.

Melalui laman Internetnya, Harakahdaily.com, kali ini ia mengadakan pungutan suara bertajuk "Siapakah Menteri Besar/Ketua Menteri BN yang paling anda hormati".

Bagaimanapun, ia tidak menyenaraikan nama dua Menteri Besar mewakili Pas iaitu Datuk Nik Aziz Nik Mat (Kelantan) dan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Terengganu), dan dengan sengaja cuma menamakan wakil BN.

Mereka yang disenaraikan ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Abdul Ghani Othman (Johor), Datuk Seri Syed Razak Syed Zain (Perak); Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo (Selangor), Datuk Seri Shahidan Kassim (Perlis), Datuk Seri Mohd Ali Rastam (Melaka), Tan Sri Mohd Isa Samad (Seremban), Datuk Seri Adnan Yaakob (Pahang) serta Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Datuk Chong Kah Kiat (Sabah).

Sebelum ini, Harakahdaily.com mengadakan pungutan suara bertajuk "Siapa yang layak menggantikan Dr Mahathir sebagai PM?" Mereka yang disenaraikan ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Naib Presiden iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak; Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhamad Muhd Taib serta ahli Majlis Tertinggi Tengku Razaleigh Hamzah.

Ahad lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Harakah dan Pas itu sebagai berniat jahat yang ingin melihat Umno berpecah.

(END)